

Tunggu laporan pakar khidmat LRT terjejas

(29 JANUARI 2023) BH 1P15

Kuala Lumpur: Kementerian Pengangkutan masih menunggu laporan pakar dan jurutera berhubung gangguan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Ampang di antara Stesen LRT Masjid Jamek dan Stesen LRT Bandar Raya.

Menterinya, Anthony Loke Siew Fook, berkata buat masa ini, pihaknya tidak dapat memberikan jaminan tarikh laluan antara stesen itu yang terganggu akibat kerosakan struktur berdekatan stesen LRT Bandar Raya akan pulih.

“Semalam dan hari ini, kita menunggu laporan pakar dan jurutera untuk melihat sejauh mana struktur itu memberikan kesan kepada keselamatan, sama ada ia selamat untuk beroperasi semula.

“Saya tidak dapat memberikan jaminan sekarang (bila akan beroperasi semula).

“Sudah tentu apabila kita menerima laporan, kita akan membuat keputusan mengenai bagaimana kita membuat mitigasi dan pengumuman lebih lanjut. Mungkin dalam sehari dua lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina anjuran Gabungan Dewan

Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di Wisma Chinese Chamber, di sini, semalam.

Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) sebelum ini memaklumkan, perkhidmatan LRT laluan Ampang-Sri Petaling mengalami kelewatan disebabkan penjajaran landasan bengkok berhampiran stesen LRT Bandar Raya.

Syarikat itu berkata, hasil pemerhatian awal mendapati kelewatan LRT itu berpunca daripada kerosakan struktur jejambat akibat kerja pembinaan bersebelahan kawasan itu.

Rapid Rail terpaksa menutup laluan di antara stesen Masjid Jamek dan Bandar Raya sehingga keselamatan serta kekukuhan landasan itu dapat dipastikan.

Pada masa sama, Loke menasihatkan penumpang yang menggunakan LRT Laluan Ampang supaya merancang perjalanan mereka esok dan perkembangan lanjut diberikan dari semasa ke semasa.

“Saya juga berharap penumpang memahami yang keadaan itu. Kita bukan mahu menutup laluan berkenaan tetapi mesti mengutamakan keselamatan tren dan penumpang. Itu yang paling penting,” katanya.